

## KPJ Healthcare yakin jana perolehan RM1b

KPJ Healthcare Bhd, anak syarikat Johor Corporation (JCorp) yang bergiat dalam sektor kesihatan, yakin dapat menjana pendapatan RM1 bilion tahun ini berbanding RM832 juta tahun lalu, disumbang pengambilalihan terkini.



Tahun lalu, syarikat itu mengambil alih Pusat Perubatan Sentosa, Kuala Lumpur dan Pusat Perubatan Sentosa, Kajang pada pertimbangan nilai RM72 juta.

Dengan pembelian itu, KPJ meningkatkan rangkaian hospital di bawah kendaliannya kepada 17 hospital swasta di Malaysia, Indonesia (tiga) dan Bangladesh (satu).

"Pastinya, pembelian yang dibuat meningkatkan jualan. Kami menjangkakan pembelian terbaru ini menyumbang secara ketara kepada pendapatan syarikat," Ketua Eksekutif JCorp, Tan Sri Muhammad Ali Hashim memberitahu pemberita di luar aturcara Forum Halal Dunia 2007, di Kuala Lumpur, semalam.

Sebelum itu, Muhammad Ali membentangkan kertas kerja bertajuk, "Tanggungjawab Sektor Swasta Dalam Sektor Halal".

Di tanya sama ada KPJ merancang untuk membeli lebih banyak hospital tahun ini, Muhammad Ali berkata, syarikat itu memang sedang meninjau peluang untuk berbuat demikian.

Forum yang berlangsung dua hari bermula semalam itu anjuran Perbadanan Pembangunan Industri Halal.

Seramai 889 peserta dari 23 negara, termasuk negara bukan Islam, hadir pada forum berkenaan.

*berita Harian  
9 May 2007.  
Bunawati*